

26/03/2005

Dua kali gugur daripada Kabinet

Oleh Johan Afandi

SUKAR kita temui seorang pemimpin yang dapat berkhidmat dengan lima Perdana Menteri, selain memimpin sebuah kementerian selama 16 tahun. Tetapi Tan Sri Mohamed Rahmat atau lebih dikenali sebagai 'Tok Mat' membuktikan beliau boleh.

Sejak zaman Tunku Abdul Rahman hingga Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Tok Mat setia bersama Umno dan kerajaan Barisan Nasional (BN), walaupun dua kali 'dibuang' daripada Kabinet.

Beliau sendiri mengaku sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan kerajaan sebelum bersara sepenuhnya daripada politik pada Januari 2004, banyak pengalaman dan kenangan pahit manis yang dilalui.

"Pengalaman itu cukup untuk mendewasakan saya, manakala segala macam kenangan yang dilalui kini kekal dalam lipatan sejarah hidup saya," katanya ketika ditemui di kediamannya di Bukit Damansara dan sebuah hotel di ibu kota yang sering menjadi tempatnya menghabiskan masa lapang bertemu kenalan, baru-baru ini.

Tok Mat yang berasal dari Johor, kini menetap bersama keluarganya di Kuala Lumpur. Namun, hati dan jiwanya tetap bersama Johor sehingga untuk ruangan ini, beliau sendiri mahu wartawan dari Johor Bahru menemubualnya.

Beliau juga mengaku walaupun sudah lama menetap di Kuala Lumpur, Johor Bahru sentiasa dekat di hati kerana nostalgia terhadap tempat tumpah darahnya itu.

"Di sana (Johor Bahru), saya belajar segala-galanya, daripada kesusahan dalam hidup sehinggalah manisnya menjadi Ahli Parlimen mewakili masyarakat, yang saya sendiri membesar di dalamnya selama hampir 40 tahun," katanya dalam pertemuan selama empat jam itu.

Dilahirkan pada 4 Januari 1938, bekas menteri yang pernah mengundang banyak kontroversi ini juga adalah Ahli Parlimen Pulaui selama hampir 40 tahun dan jawatan terakhir ialah Setiausaha Agung BN.

Pengalaman sebagai ahli politik Tok Mat amat menarik kerana beliau satu-satunya menteri yang 'dibuang' daripada Kabinet dua kali pada zaman Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi akhirnya tetap menamatkan perkhidmatan sebagai menteri penuh iaitu Menteri Penerangan yang dipegang 16 tahun.

Dalam Umno, bermula sebagai Ahli Parlimen Pulaui pada 1969, beliau menamatkan kariernya sebagai Setiausaha Agung Umno pada 1996 selepas lapan tahun memegang jawatan itu dan kali terakhir bertanding ialah pada Pilihan Raya Umum 1995.

Kini bersama dengan isteri tercinta, Puan Sri Salbiah Abd Hamid, Tok Mat banyak menghabiskan masa bersama empat cucu kesayangan beliau yang berusia antara setahun setengah hingga 12 tahun.

"Selepas bersara, saya tidak ditawarkan apa-apa jawatan dan saya sendiri tidak pernah memintanya kerana berasa selama 40 tahun bergelumbang dalam politik, saya banyak mengabaikan keluarga demi Umno dan kerajaan.

"Jadi, saya senang bermain dengan cucu dan memerhatikan mereka membesar kerana ia sesuatu yang tidak pernah dikecapi ketika tiga anak saya, iaitu Nur Jazlan, Nur Jazman dan Nur Jasni membesar selain berdamping dengan isteri.

Dalam pertemuan di rumahnya bersama isterinya, pelbagai topik dibincangkan membabitkan kehidupan Tok Mat ketika sibuk menguruskan parti dan kerajaan.

Selepas empat dekad suaminya berada dalam parti dan kerajaan, Salbiah kini masih lagi cuba menyesuaikan diri mempunyai suami yang berada di

rumah seharian dan Tok Mat ketika berseloroh berkata:

"Dia (Salbiah) dah bosan sebab saya berada di rumah ni, seharian."

Salbiah dengan cepat menjawab: "Bukan, Tok Mat ni kuat merokok dan kadang-kadang bila dialihkan tempat habuk rokoknya, dia melenting."

Kemesraan pasangan ini jelas kelihatan apabila berbicara mengenai cucu, terutama sekali cucu mereka yang bongsu, Nur Jasmin Athirah Nur Jasni berusia setahun setengah.

Tok Mat menjelaskan beliau mahu memerhatikan perkembangan cucunya dan sentiasa bertanyakan masalah mereka, malah menekankan kepada anak-anaknya supaya memastikan cucunya menguasai dua bahasa, iaitu Inggeris dan Mandarin selain bahasa Melayu.

Ketika mata penulis melihat keadaan dalam rumah, Tok Mat dengan pantas mencelah Salbiah tidak suka menggantung gambar di dalam rumah, walaupun mereka mempunyai koleksi gambar keluarga dan lukisan yang banyak.

"Dia kata kalau gantung gambar, nanti jadi tempat cicak bersarang dan banyak tahi cicak nanti, tapi saya tak kisah cara mana dia nak hias rumah ini kerana sebelum ini pun dia berseorangan menguruskannya.

"Malah ketika saya sibuk dulu, semua anak rapat dengannya dan dia membesarkan mereka seorang diri, walaupun rapat anak takut dengannya kerana ketegasannya dan memastikan mereka sentiasa berdisiplin," jelasnya.

Mengimbau ketika beliau mula menceburi bidang politik, Tok Mat menjelaskan beliau bermula secara kebetulan apabila Tan Sri Musa Hitam ketika itu mencari anak Johor untuk menjawab jawatan Setiausaha Politik kepada Tun Sardon Jubir yang menjadi Menteri Pengangkutan.

"Musa ketika itu bertemu dengan saya ketika menjadi guru di Taiping, bertanyakan sama ada berminat bekerja dengan menteri.

"Saya tanya, gajinya mahal ke? Musa kemudian menjelaskan bahawa gajinya tiada tapi elaunnya RM1,350 dan saya boleh memegang jawatan itu selama mana yang boleh asalkan menteri sukakan saya," katanya.

Ketika zaman itu, Tok Mat menjelaskan Setiausaha Politik dan Setiausaha Parlimen terpaksa membeli kereta sendiri selain tidak mempunyai pemandu peribadi, cuma timbalan menteri dan ke atas yang menikmati kemudahan berkenaan.

Pada 1969, Tok Mat bertanding pada pilihan raya umum buat pertama kali dan dipilih Ahli Parlimen Pulaui.

Beliau sebelum itu pernah diminta bertanding oleh Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang memegang jawatan Ketua Penerangan Umno Johor, tetapi menolak permintaan itu dua kali.

"Kali ketiga, Tun (Dr Ismail) panggil saya dan menerangkan mengapa saya mesti bertanding, jadi saya terima dan akhirnya menang di kawasan Pulaui," katanya.

Selepas menerima tawaran itu, Mohamed tidak lagi berpaling dan ketika kali pertama bertanding dalam pilihan raya, beliau mengaku terkejut kerana masih ramai yang mengenalinya sebagai budak penjual kuih.

"Ketika berkempen, seorang pak cik bertanya 'Eh, kau ni dulu jual kuih kat sini? Saya pun menjawab, ialah pak cik, dulukan pak cik selalu beli kuih saya, jadi kali ini undilah saya," katanya.

Bagaimanapun, pembabitan Tok Mat dalam politik ada pasang surutnya apabila Dr Mahathir yang mengambil alih pucuk pimpinan negara daripada Tun Hussein Onn menggugurkannya daripada Kabinet pada 1982, walaupun beliau memenangi kerusi yang ditandinginya.

"Apabila Tun (Dr Mahathir) menyuruh saya pergi ke Jakarta sebagai Duta Malaysia ke Indonesia, saya berkata padanya saya akan pergi dengan syarat diterima kembali di dalam Kabinet," katanya.

Mohamed bertugas sebagai duta dengan keistimewaan bertaraf menteri selama tiga tahun dan pada 1987, Dr Mahathir memanggilnya semula menyertai Kabinet.

Sambil mengimbau semula peristiwa lama yang ditempuhinya, Tok Mat menjelaskan tahun yang paling mencabar baginya ialah 1987.

"Ketika itu, Umno berpecah belah kepada Team A dan B, kemudian diharamkan dan saya masih ingat ketika mahu menubuhkan kembali Umno Baru, saya memegang songkok mengutip wang di Seri Perdana bagi menubuhkan semula parti kerana semua aset Umno dibekukan atas arahan mahkamah.

"Jumlah yang dapat, saya nak cakap pun segan, hanya RM274 dan RM50 daripadanya sumbangan saya.

"Selepas itu, ketika Umno hendak memohon menyertai semula BN, saya dan Dr Mahathir terpaksa menunggu di luar ketika Majlis Tertinggi BN bermesyuarat sama ada hendak menerima semula Umno atau tidak, cukup sukar keadaan ketika itu," katanya.

(END) Source : Berita Harian